



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **26 Nov2021 (Friday)**

### **Berita Harian**

Indikator peraturan perniagaan merosot perlukan reformasi	1
Negeri komited tingkat ketelusan penyampaian	2
Seri Paduka berangkat ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-257	3
Tiket VTL (Darat) Malaysia, Singapura 30 hari habis dijual	4
Tiga firma aeroangkasa minat beroperasi di Selangor	5
Turkish Aerospace buka pejabat di Malaysia	6

### **Harian Metro**

Selangor komited jadi hab penerbangan perniagaan	7
--	---

### **Sinar Harian**

Turki-Malaysia rancang hasilkan Hurjet	8
TERAS 1: MENSTRUKTUR SEMULA EKONOMI	9
Yakin potensi industri aeroangkasa - MB	10

### **AlHijrah**

Kembalikan Dan Kembangkan Perniagaan Sektor Penerbangan	11
---	----

### **New Straits Times**

Tabling of RCEP-linked changes next month	12
'Boost industry with more flights'	13
SAE, MBI Selangor sign MoU	14
SAS 2021 to spark sector's recovery	15

### **The Sun**

Business aviation on Selangor govt's radar	16
--	----

### **Berita RTM**

Selangor to Focus on Business And General Aviation Segment of Aerospace Industry	17
--	----

### **Bername News Channel**

Selangor To Focus On Business & General Aviation Segment Of Aerospace Industry	18
--	----

### **BFM89.9**

3 International Companies In The Aviation Sector Interest Starting Operation In The State	19
---	----

### **The Malaysian Reserve**

FLYING HIGH	20
-------------	----

### **China Press**

CNY getting closer; Aply for New Year's pasar license quickly	21
---	----

### **Sin Chew Daily**

On the first day of SAS, 3 aviation organizations intend to set up factories in Selangor	22
--	----

### **Nanyang Siang Pau**

Selangor adjusts construction times to 8am until 6pm, from Mondays to Saturdays	23
Teng Chang Khim : Turkey businessmen survey locations; 3 aviation companies consider setting up factories in Selangor	24



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **Guang Ming Daily**

3 airport organisations plan to set factory ; Teng Chang Khim: Make airplanes or helicopters

25

### **Malaysia Nanban**

75 ton of rubbish!

26

### **8TV**

Kembalikan Dan Kembangkan Perniagaan Sektor Penerbangan

27




**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 November 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Indikator peraturan perniagaan merosot perlukan reformasi
Muka Surat	:	2



Ismail Sabri berucap pada perasmian Persidangan Kebangsaan Amalan Baik Peraturan (GRP) bertemakan Lonjakan Produktiviti Melalui Peraturan Berkualiti secara maya, semalam.

# Indikator peraturan perniagaan merosot perlukan reformasi

**Pendekatan dasar digalakkan dalam usaha berada antara sembilan ekonomi terbaik dunia**

Oleh Saiful Haizan Hasam  
 saiful.haizan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kemerostan ketara indikator berhubung peraturan perniagaan di negara ini menuntut satu reformasi segera dilaksanakan kerana ia salah satu petunjuk penting pencapaian kecekapan kerajaan, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, indikator peraturan perniagaan di Malaysia menunjukkan trend kemerosotan dalam tempoh 10 tahun lalu iaitu daripada kedudukan ke-19 pada 2010 kepada kedudukan ke-47 pada tahun ini.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, satu pendekatan dasar dan peraturan berasaskan bukti (EBP) perlu digalakkan dalam usaha kerajaan mencapai sasaran berada antara sembilan ekonomi terbaik dunia untuk subindeks Kecekapan Kerajaan.

"Ini gesaan yang kuat untuk pembaharuan pengawalseliaan. Kita mesti lakukan sesuatu.

"Dalam mencapai sasaran ini, pendekatan EBP perlu digalak-

kan. EBP akan diterapkan dalam mekanisme perancangan, penilaian dan pemantauan supaya dapat menjamin pembaharuan struktural yang menyeluruh bagi kelestarian pertumbuhan produktiviti dan ekonomi," katanya dalam ucapan perasmian Persidangan Kebangsaan Amalan Baik Peraturan (GRP) bertemakan Lonjakan Produktiviti Melalui Peraturan Berkualiti secara maya, semalam.

Turut menyertai persidangan anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ini ialah Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Lokman Hakim Ali; Pengerusi MPC, Ram Ganesan Karthigasu dan Ketua Pengarah MPC, Datuk Abdul Latif Abu Seman.

Perdana Menteri berkata, dasar dan peraturan yang berkualiti melalui GRP bakal memudahkan operasi perniagaan, meningkatkan ketelusan dan meminimumkan bebanan kos serta sumber, sekali gus membolehkan industri berkembang dengan lebih dinamik dan anjal untuk kekal berdaya saing.

Beliau menjelaskan, asas kepada pelaksanaan GRP ialah pendekatan 'keseluruhan kerajaan' yang menitikberatkan kerjasama rapat dan bersepadu semua Kementerian, agensi dan jabatan.

Katanya, untuk memperoleh impak menyeluruh, pembabitkan swasta, industri dan komu-

niti perniagaan dalam GRP juga akan dipertingkatkan.

Beliau turut menekankan bahawa prinsip, elemen dan proses dalam kaedah GRP mesti diterima pakai oleh semua Kementerian dan agensi pengawal selia dalam penggubalan dan semakan dasar serta peraturan.

"Elemen-elemen GRP antaranya Analisis Impak Peraturan, Analisis Kos Faedah dan Penilaian Notifikasi Peraturan mesti dilaksanakan dengan teliti.

"Data dan maklumat yang terangkum harus membuktikan bahawa tindakan peraturan benar-benar membawa kepada kesejahteraan rakyat.

"Dengan penguatkuasaan Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) bermula 22 Jun 2021, Ketua Setiausaha Negara akan bekerjasama dengan semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah agensi dan jabatan kerajaan dalam memastikan pelaksanaan NPGRP yang menyeluruh," katanya.

Ismail Sabri, berkata GRP juga dapat menjamin kualiti dasar dan peraturan yang bakal menjadi pemacu kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

Beliau, berkata kemakmuran negara terutama dalam era memerangi pandemik telah dicerminkan melalui tema dua dokumen ekonomi utama mutakhir ini iaitu 'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampun' dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan 'Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera' dalam Bajet 2022.



## KERATAN AKHBAR 26 November 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Negeri komited tingkat ketelusan penyampaian
Muka Surat	:	2

# Negeri komited tingkat ketelusan penyampaian

**Kuala Lumpur:** Semua kerajaan negeri komited meningkatkan ketelusan dalam penyampaian dan memudahcara peraturan berkaitan pelaburan, perdagangan dan produktiviti.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ia akan dijayakan menerusi jalinan kerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di bawah program Negeri Proaktif.

Katanya, persetujuan itu dicapai selepas beliau membentangkan dua kertas untuk perbincangan dan makluman dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri, Selasa lalu.

"Antara syor yang diputuskan adalah mengenai ketelusan pemacu produktiviti yang bertujuan untuk berkongsi amalan baik negeri dalam meningkatkan kecekapan urusan pelesenan dan mencadangkan mekanisme untuk meningkatkan lagi kecekapan urusan pelesenan ke arah lonjakan produktiviti negeri," katanya pada Persidangan Kebangsaan Amalan Baik Peraturan (GRP) yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob secara maya, semalam.

Mohamed Azmin, berkata dalam suasana ekonomi global yang mencabar dan berdaya saing, peraturan harus disesuaikan dengan tuntutan semasa bagi memastikan pelaksanaannya berkesan.

Katanya, lonjakan ekonomi dan produktiviti akan berlaku lebih pantas apabila penggubal dan pengawal selia sentiasa responsif bagi memastikan dasar dan peraturan menyokong pem-

angunan ekonomi negara.

Justeru, reformasi peraturan adalah satu perkara mustahak dalam situasi yang tidak pernah dialami akibat COVID-19.

"Sebagai langkah proaktif kerajaan, kempen Jom Semak telah dilancarkan untuk menambah baik ekosistem peraturan negara dan memberi pencerahan berkaitan GRP bagi menggalakkan semakan semula dasar dan peraturan semasa.

"Kerajaan juga memperkenalkan Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan untuk meningkatkan kualiti peraturan sedia ada dan baharu supaya penyampaian perkhidmatan sektor awam lebih cekap dan berkesan.

"Ini juga adalah iltizam kerajaan untuk mengarusperdanakan agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus di mana elemen tadbir urus ini ditegaskan melalui GRP yang juga antara satu piawaian utama selaras dengan Aspirasi Pelaburan Negara," katanya.

Katanya, peraturan berkualiti akan membina persekitaran perniagaan yang kondusif dan melonjakkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelaburan serta rakan perdagangan antarabangsa.

Beliau berkata, GRP dan Behavioural Insights (BI) adalah pelengkap untuk peraturan berkualiti seperti yang ditekankan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Dalam merealisasikan agenda ini, MPC komited dan aktif dalam membangunkan kompetensi pembuat dasar dan penjawat awam untuk menerima pakai GRP dan BI dalam penggubalan dan semakan peraturan," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 November 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Seri Paduka berangkat ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-257
Muka Surat	:	3

## Seri Paduka berangkat ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-257

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semalam berangkat menghadiri hari kedua Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-257 di Istana Negara.

Mesyuarat yang bermula kelmarin itu dipengerusikan Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah. Ia berlangsung selepas kali terakhir diadakan ketika mesyuarat ke-256 pada 19 dan 20 Februari 2020 yang dipengerusikan Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah.

Turut berangkat ke mesyuarat itu ialah Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin; Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar; Sultan Nazrin Shah; Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Yang Di-

pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Almarhum Tuanku Munawir.

Selain itu, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah; Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra dan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Mesyuarat turut dihadiri Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak, selain Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob turut hadir pada mesyuarat itu.

Pada mesyuarat itu, Raja-Raja Melayu diiringi Menteri Besar masing-masing, manakala Yang Dipertua Negeri diiringi Ketua-Ketua Menteri kecuali Sarawak yang diiringi Timbalan Ketua Menteri.

BERNAMA



Al-Sultan Abdullah berkenan hadir ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-257 yang dipengerusikan Sultan Sallehuddin di Istana Negara, semalam. Turut hadir, Ismail Sabri dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor (kiri).  
 (Foto BERNAMA)



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>26 November 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Tiket VTL (Darat) Malaysia, Singapura 30 hari habis dijual
Muka Surat	:	5



# Tiket VTL (Darat) Malaysia, Singapura 30 hari habis dijual

**Tiket bas VTL (Darat) Singapura -Malaysia untuk 30 hari akan datang habis dijual kurang 30 minit**  
*Nasional 5*

**Perjalanan bermula Isnin ini ditempah dalam masa kurang 30 minit**

**Singapura:** Tiket Laluan Perjalanan Bagi Orang Sudah Divaksinasi (VTL) (Darat) yang ditawarkan Transtar Travel Pte Ltd (Transtar) habis dijual untuk 30 hari akan datang, kurang 30 minit selepas mula dijual.

Syarikat bas Singapura itu antara dua syarikat bas yang dibenar menawarkan 64 perjalanan ulang-alik antara Singapura dan Johor bermula 29 November ini.

Orang ramai yang ingin membeli tiket secara dalam talian memberitahu *Berita Harian* Singapura, mereka tidak dapat mengakses portal itu seawal jam 8.15 pagi lagi.

Sebaliknya, beberapa minit kemudian, mesej di laman sesawang Transtar menyatakan semua tiket bagi 30 hari akan datang sudah habis dijual. VTL darat Singapura-Malaysia yang akan bermula Isnin ini dapat menampung 2,880 orang sehari dalam fasa pertama.

Buat masa ini, VTL (Darat) menggunakan laluan tambak hanya dibuka kepada warga, penduduk tetap (PR) atau pemegang pas jangka panjang negara yang mereka masuk.

Ia merangkumi hingga 1,440 warga, PR atau pemegang pas jangka panjang Singapura yang dibolehkan memasuki Singapura setiap hari serta 1,440 warga, PR atau pemegang pas jangka panjang Malaysia yang dibolehkan memasuki Malaysia.

Kapasiti kemasukan pula akan disemak setiap minggu, bergantung pada keadaan semasa pandemik COVID-19.

Kelmarin, Singapura dan Malaysia mengumumkan VTL (Darat) bermula Isnin ini bagi membolehkan orang yang sudah divaksinasi penuh untuk mengunjungi negara masing-masing tanpa perlu dikuarantin.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri (PMO) Singapura, ia bertujuan memberi keutamaan bagi mereka yang bekerja di negara masing-masing, untuk menziarahi keluarga mereka.

"Singapura dan Malaysia bermatlamat untuk meluaskan VTL (Darat) untuk merangkumi lebih ramai pelawat, termasuk pelawat umum, mengambil kira keadaan kesihatan. Seterusnya kami juga akan berusaha ke arah menyambung semula perjalanan mene-

rusi Linkedua di Tuas," kata PMO.

Dalam fasa pertama VTL (Darat), pelawat perlu menaiki bas VTL disediakan Transtar dan Handal Indah (juga dikenali sebagai Causeway Link), yang mengendalikan 64 khidmat setiap hari dari 7.30 pagi hingga 9.30 malam, setiap setengah jam.

Menteri Perdagangan dan Perusahan, Gan Kim Yong, berkata kapasiti VTL (Darat) akan disemak setiap minggu dan bergantung kepada keadaan pandemik di kedua-dua negara.

"Ini sudah dibincangkan bersama Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, dalam satu sidang video semalam (kelmarin). Ideanya adalah kami akan menyemak setiap minggu untuk melihat jika ada skop untuk meningkatkan kapasiti setiap minggu dan kami berharap keadaan ini akan kekal stabil," katanya.

VTL (Darat) itu bermula sejajar dengan VTL Udara antara Lapangan Terbang Changi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang juga bermula Isnin ini.

Di bawah VTL (Darat), pelawat yang memasuki Singapura perlu diuji negatif dalam Ujian Rapid Antigen (ART) atau Reaksi Rantai Polimerase (PCR) dalam tempoh dua hari sebelum berangkat

## SYARAT MEMASUKI SINGAPURA MENERUSI VTL (DARAT) DARI MALAYSIA

1. Pastikan anda sudah divaksinasi penuh, ada sijil vaksinasi sah dengan kod QR.
2. Tempah tiket bas VTL (Darat), sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tiba.
3. Pusat Pertukaran Bas Sementara
  - Woodlands: <https://www.transtar.travel>
  - Terminal Queen Street: <https://www.causewaylink.com.my>
4. Mohon Pas VTP di laman <https://go.gov.sg/vtl-portal>, sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tiba. Hanya bagi Pemegang Pas Tempoh Panjang (LTPH) Singapura, warganegara dan PR tidak perlu.

## BERSIAP MEMULAKAN PERJALANAN

1. Hantar butiran peribadi, perjalanan, persyitharan kesihatan menerusi e-khidmat Kad Ketibaan SG (<https://go.gov.sg/sgarrivalcard>) sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tiba.
2. Ambil ujian dikendalikan profesional sebelum berangkat (ART atau PCR). Perlu negatif, laporan ujian dalam bahasa Inggeris dalam dua hari sebelum tiba.
3. Siapkan dokumen (dalam bahasa Inggeris) untuk diperiksa (pasport, tiket bas VTL Darat, sijil vaksinasi, VTP (bagi pemegang pas tempoh panjang), ujian negatif sebelum berangkat, Kad Ketibaan SG yang sudah diisi).
4. Tiba di Terminal Bas Larkin Sentral 1 jam lebih awal, naik bas diperuntukkan ke Singapura.

## SELEPAS TIBA

Muat turun aplikasi **TraceTogether**, daftar profil, aktifkan aplikasi. Kanak-kanak 7-12 tahun dan mereka tidak boleh guna alat mudah alih boleh menerima token **TraceTogether**. Kanak-kanak 6 tahun ke bawah tidak perlu guna **TraceTogether**.

ke Singapura.

Pelawat yang memasuki Malaysia menerusi VTL (Darat) turut perlu mengambil ART atau PCR dalam tempoh dua hari sebelum berangkat tetapi mereka perlu menjalani ujian juga apabila tiba di Terminal Bas Larkin Sentral.

Orang ramai boleh dapatkan maklumat lanjut mengenai VTL (Darat) di laman <https://www.safetravel.ica.gov.sg> dan <https://www.miti.gov.my>



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 November 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Tiga firma aeroangkasa minat beroperasi di Selangor
Muka Surat	:	44

# Tiga firma aeroangkasa minat beroperasi di Selangor

**Kerajaan negeri komited muncul sebagai hab penerbangan serantau**

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**  
 hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Selangor terus mengukuhkan statusnya sebagai hab aeroangkasa dan penerbangan serantau apabila tiga syarikat berkaitan penerbangan antarabangsa termasuk satu dari Turki berminat untuk membuka operasi mereka di negeri ini.

EXCO Industri dan Perdagangan Selangor, Datuk Teng Chang Khim, berkata syarikat dari Turki itu ialah pengeluar helikopter, Gokbey yang kini sedang dalam proses mencari kawasan yang sesuai untuk membangunkan kilang pengeluaran helikopter mereka di negeri ini.

Katanya, dua lagi syarikat masih pada peringkat awal dan sehubungan itu beliau tidak boleh lagi mendedahkan nama mereka.

"Kedua-dua syarikat ini masih mencari masa yang sesuai sebelum mereka membuat pengumuman mengenai hasrat untuk membuka operasi di Selangor.

"Mereka sentiasa berhubung rapat dengan kami menerusi Peja-



Orang ramai melihat Pameran Penerbangan Selangor 2021 (SAS2021) di Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

bat Koordinasi Industri Angkasa Selangor Darul Ehsan (S-DAICO) yang membantu mencari kawasan yang sesuai di samping turut membantu dalam proses mendapatkan kelulusan dan lesen untuk beroperasi di sini," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian Pameran Penerbangan Selangor 2021 (SAS2021) di Shah Alam, semalam.

Perasmian disempurnakan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari yang dilakukannya secara maya.

Pameran yang julung kali diadakan di Selangor itu dipercayai antara pameran udara pertama yang dianjurkan di rantau ini sejak pandemik melanda pada ta-

hun lalu.

Bertemakan 'Selangor, Hab Penerbangan Perniagaan dan Am ASEAN', SAS2021 yang berlangsung selama tiga hari menumpukan industri penerbangan am dan perniagaan terutama di Selangor dan berjaya menarik peserta antarabangsa dari Brazil, Perancis, Turki dan Amerika Syarikat.

Mengulas lanjut Chang Khim berkata, Selangor mempunyai potensi dan terus menjadi tempat tarikan utama kepada industri penerbangan khususnya pembuatan dan juga penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat (MRO) sekali gus memajukan industri sampingan.

"Kita akan membina satu ek-

sistem yang erat dan kukuh di Selangor untuk menjadikan negeri ini sebagai hab serantau untuk penerbangan khususnya penerbangan perniagaan dan penerbangan am," katanya.

Terdahulu Amirudin ketika berucap pada majlis perasmian berkata, lebih banyak aktiviti penerbangan diperlukan pada peringkat tempatan untuk merangsang pertumbuhan dan membina semula kegiatan pembuatan aeroangkasa, lapangan terbang dan syarikat penerbangan untuk perniagaan dan sektor penerbangan am di Malaysia.

Beliau berkata, cabarannya adalah untuk mengembangkan aktiviti penerbangan di dalam

“Kita akan membina satu ekosistem yang erat dan kukuh di Selangor untuk menjadikan negeri ini sebagai hab serantau untuk penerbangan khususnya penerbangan perniagaan dan penerbangan am”

**Teng Chang Khim**,  
 EXCO Industri dan Perdagangan Selangor



negara dan menarik lebih banyak kehadiran jet perniagaan antarabangsa ke Malaysia, khususnya ke Lapangan Terbang Subang.

"Usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak jadi kami mengharapkan anda (pemain industri) untuk menyokong usaha ini untuk membawa lebih banyak penerbangan ke ruang udara kami.

"Peningkatan aktiviti penerbangan akan meningkatkan rantaian bekalan ekosistem industri penerbangan di Selangor. Ini termasuk penyedia perkhidmatan darat, MRO dan penyedia perkhidmatan kejuruteraan, organisasi kru penerbangan, penyedia latihan serta perkhidmatan profesional daripada profesion perundangan, kewangan dan percutiaan," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 November 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Turkish Aerospace buka pejabat di Malaysia
Muka Surat	:	44

## Turkish Aerospace buka pejabat di Malaysia

**Turkish Aerospace** membuka pejabat baharunya, pusat reka bentuk dan kejuruteraan pertamanya di Asia Tenggara di kampus Cyberview Futurise di Selangor.

Dalam satu kenyataan bersama, Turkish Aerospace berkata, ia juga akan terus melabur dan menjalinkan kerjasama di Malaysia bagi membangunkan teknologi generasi baharu termasuk dalam bidang industri pertahanan dan penerbangan.

"Sebagai antara syarikat terkemuka dalam industri penerbangan global, kami meluaskan jangkauan dengan memubuhkan lebih daripada 10 pejabat teknologi di seluruh dunia," katanya.

Menerusi kerjasama itu, juru-

tera Turki dan Malaysia akan bekerja dalam suasana pejabat baharu untuk menjalankan kajian bersama dalam pelbagai bidang termasuk kenderaan udara tanpa pemandu, jurulatih jet, projek helikopter dan program pemodenan untuk ekosistem penerbangan global.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pembukaan pejabat reka bentuk dan teknologi pertama Turkish Aerospace di Malaysia adalah sesuai untuk Malaysia bagi melihat bagaimana negara boleh berkongsi kepakaran bersama untuk aliran kerja selamat untuk manfaat Turki dan industri aeroangkasa Malaysia.

"Turki memiliki sektor pertahanan dan aeroangkasa antara paling pesat membangun di dunia dan pertama dalam dunia Islam," katanya ketika merasmikan pejabat baharu Turkish Aerospace.

Mohamed Azmin berkata, hubungan dua hala antara Malaysia dan Turki terus berkembang dari satu kekuatan ke satu kekuatan dan perbincangan antara Malaysia dan Turki mengenai pengembangan perjanjian perdagangan bebas (FTA) telah mencapai kemajuan yang besar.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelabuhan Malaysia (MID), Datuk Arham Abdul Rahman berkata, jejak Turkish Aerospace

di Malaysia akan memperkuatkan ekosistem aeroangkasa negara yang mana menjadi platform kepada syarikat itu meluaskan kehadirannya di ASEAN termasuk dalam sektor pembuatan serta perkhidmatan bernilai tinggi.

"Kos yang kompetitif untuk menjalankan perniagaan di Malaysia sudah pasti akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dalam meningkatkan kepakaran tempatan serta status pensijilan negara," katanya dalam kenyataan sama.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden Turkish Aerospace, Prof Temel Kotil pula berkata, pembaitan jurutera kedua-dua negara akan mengukuhkan hubungan

dua negara dan pejabat itu akan menjadi tuan rumah untuk kajian penting bagi Malaysia dan Turki bagi membangunkan projek bersama dalam bidang penerbangan, angkasa dan pertahanan.

"Kami menasabah untuk mengembangkan pengalaman dalam bidang ini dalam skop projek bersama dengan Malaysia dan untuk mengukuhkan industri penerbangan global, terutamanya di rantau kami.

"Saya berharap pejabat kami yang baru dibuka di Malaysia akan memberi manfaat dalam meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara, dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya atas usaha mereka," katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 26 November 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Selangor komited jadi hab penerbangan perniagaan
Muka Surat	:	28

Shah Alam: Selangor komited untuk menjadi hab penerbangan perniagaan dan awam di rantau Asia Tenggara.

Exco Industri dan Perdagangan Selangor, Datuk Teng Chang Khim berkata, kerajaan negeri merealisasikan hasrat itu dalam tempoh beberapa tahun lagi.

Katanya, Selangor menerusi Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) kini giat menjalinkan kerjasama dengan pelbagai syarikat penerbangan seluruh dunia untuk menjadikan negeri ini lokasi pilihan untuk penyelenggaraan pesawat dan penerbangan.

Beliau berkata, Selangor Aviation Show (SAS) 2021 adalah platform terbaik mengumpul pemain indus-

## *Selangor komited jadi hab penerbangan perniagaan*

tri seluruh dunia untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuan dunia penerbangan perniagaan dan awam.

"Selangor memiliki potensi dan tarikan untuk industri pembuatan dan penyelenggaraan.

"Kerajaan negeri juga membina ekosistem kukuh di Selangor untuk menjadikan negeri ini sebagai hab penerbangan perniagaan dan awam di rantau Asia Tenggara," katanya dalam sidang media selepas merasmikan SAS 2021 di sini, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Harris Kasim dan Ketua Pegawai

Eksekutif Invest Selangor, Datuk Hasan Azhari.

SAS 2021 berlangsung selama tiga hari bermula semalam hingga Sabtu mengumpul pakar industri penerbangan tempatan dan luar negara.

Menerusi SAS 2021 ini, pemain industri bertukar pandangan dan kepakaran masing-masing dalam bidang pembuatan dan penyelenggaraan pesawat selain terdapat pameran pesawat serta helikopter.

Dalam pada itu, Chang Khim berkata, sebuah syarikat pembuatan pesawat dari Turki turut menyatakan minat membuka kilang di Selangor.



CHANG Khim (tengah) diiringi Hasan (kiri) melawat pameran kapal terbang ketika Perasmian Selangor Aviation Show 2021 di Skypark Regional Aviation Centre, Shah Alam, semalam.

Katanya, Selangor mencadangkan Serendah sebagai lokasi pembuatan pesawat kepada syarikat berkenaan. "Kerajaan negeri mem-

berikan bantuan dari segi pelesenan dan prosedur pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memudahkan pembinaan kilang itu kelak.

"Sepang dan Subang juga dibangunkan sebagai lokasi bagi penyelenggaraan pesawat pada masa akan datang," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 November 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Turki-Malaysia rancang hasilkan Hurjet
Muka Surat	:	4

# JET TEMPUR

# MALAYSIA-TURKI



**Turki rancang pesawat Hurjet dengan Malaysia**

- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Turkish Aerospace Industries (TAI), Profesor Temel Kotil memberitahu cadangan untuk mengeluarkan jet tempur Hurjet secara bersama masih dalam proses tender oleh Malaysia.
- Jika tender itu berjaya, sebanyak 15 jet akan dihasilkan di Malaysia dan tiga lagi di Turki dengan pesawat pertama dijangka siap pada suku akhir 2022.
- Pejabat Aeroangkasa Turki yang baru dirasmikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali di kampus Cyberview Futurise di Cyberjaya menjadi simbol kelangsungan pelaburan serta kerjasama Turki di Malaysia untuk pembangunan teknologi generasi baharu, khususnya dalam industri pertahanan dan penerbangan.

## Turki-Malaysia rancang hasilkan *Hurjet*

Jika tender berjaya, sebanyak 15 jet tempur itu akan dihasilkan dalam negara

### CYBERJAYA

**T**urki merancang mengeluarkan jet tempur *Hurjet* dengan Malaysia jika proses tender berjaya, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Turkish Aerospace Industries (TAI), Profesor Temel Kotil.

Beliau berkata, ia sebagai usaha mengukuhkan industri penerbangan global di rantau masing-masing.

Kotil berkata, perkara itu masih dalam proses tender oleh Malaysia dan jika tender berjaya, sebanyak 15 jet akan dihasilkan di Malaysia dan tiga lagi di Turki.

"Kami mahu menyumbang kepada pembangunan kapasiti Malaysia untuk menghasilkan pesawat seperti itu ke-

rana Malaysia dilihat antara negara terbaik untuk bekerjasama secara strategik di Asia Pasifik," katanya pada sidang media.

Sebelum itu, beliau menghadiri majlis perasmian pejabat Aeroangkasa Turki yang baharu oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali di kampus Cyberview Futurise di sini pada Rabu.

*Hurjet* ialah pesawat *Advanced Jet Trainer* dan *Light Attack Aircraft*, di mana pesawat pertama dijangka siap pada suku akhir 2022.

Mengulas mengenai pejabat baharu itu, Kotil berkata, ia akan menjadi pejabat kejuruteraan dan reka bentuk pertama syarikat itu di Asia Tenggara serta syarikat itu akan meneruskan pelaburan serta kerjasamanya di Malaysia untuk pembangunan teknologi generasi baharu, khususnya dalam industri pertahanan dan penerbangan.

Sementara itu, Mohamed Azmin dalam ucapannya berkata, hubungan dua hala Malaysia dan Turki semakin

kukuh.

"Malah pada minggu lalu, pegawai MITI diketuai Setiausaha Agung saya berada di Ankara, Turki untuk bertemu pegawai perdagangan Turki bagi berunding mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) sedia ada.

"Apabila dimuktamadkan kelak, FTA itu akan meliputi perdagangan dalam perkhidmatan, pelaburan dan perdagangan elektronik. Perbincangan itu telah mencapai kemajuan dan kedua-dua pihak berada di landasan tepat untuk memuktamadkan rundingan *text-based* menjelang akhir tahun ini dan memuktamadkan keseluruhan pakkej FTA pada pertengahan 2022," katanya.

Sementara itu, Duta Turki ke Malaysia, Dr Merve Safa Kavakci dalam ucapannya berkata, terdapat 62 projek industri pertahanan masih berjalan di Turki pada 2002, kini jumlah itu sudah melebihi 750.

"Kami gembira melihat syarikat industri pertahanan Turki terlibat dalam banyak projek kerjasama termasuk di Malaysia," katanya. - *Bernama*



Mohamed Azmin (kiri) dan Kotil (tengah) pada majlis perasmian pejabat Aeroangkasa Turki baharu di kampus Cyberview Futurise pada Rabu.

>> LAGI BERITA MENGENAI PESAWAT TEMPUR DI MUKA 12



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>26 November 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	TERAS 1: MENSTRUKTUR SEMULA EKONOMI
Muka Surat	:	7

SINAR HARIAN • JUMAAT 26 NOVEMBER 2021

**N**ASIONAL

7



Menteri MITI, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ketika menyertai mesyuarat berkaitan misi perdagangan dan pelaburan di Frankfurt, Jerman.



Lawatan Setiausaha Perdagangan AS, Gina M. Raimondo ke Malaysia.

Pada 24 November 2021 Turkish Aerospace membuka pejabat baharunya di kampus Cyberview Futurise di Selangor iaitu pejabat kejuruteraan dan reka bentuk pertama syarikat tersebut di Asia Tenggara.

Melalui kerjasama ini, jurutera Turki dan Malaysia akan bekerja di pejabat berkenaan untuk menjalankan kajian bersama dalam pelbagai bidang termasuk kenderaan udara

